

02 JAN, 2023

## Manfaat aplikasi media sosial dorong pelajar kuasai STEM

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Manfaat aplikasi media sosial dorong pelajar kuasai STEM

- Lulusan dalam bidang sains, teknologi kejuruteraan dan Matematik (STEM) kini makin mendapat permintaan tinggi dalam era IR 4.0
- Penyediaan platform sewajarnya di sekolah rendah dan menengah boleh menjadi perangsang untuk pelajar meneroka minat dalam bidang STEM



Oleh Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir  
bhrenanca@bh.com.my

Presiden Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merangkap Naib Canselor Universiti UCST

Jabatan Perangkaan sebelum ini menyatakan lebih 72 peratus pelajar memilih untuk tidak melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dapat ini muncul ketika ekonomi Malaysia terjejas teruk susulan pandemik COVID-19.

Kebanyakan warga muda keluar mencari kerja untuk menambah pendapatan keluarga terjejas dan melupakan niat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Ramai juga lepasan SPM berasaskan belajar adalah sesuatu yang sia-sia jika dibandingkan gaji diperoleh dan dibandingkan graduan adalah hampir sama.

Ini membuat mereka merasa lebih tidak yakin akan keperluan untuk meneruskan pengajian kerana masa depan tidak lagi terjamin dengan segulung ijazah.

Perkembangan ini satu perkara sangat mengguraukan kerana itu ini merugikan Malaysia yang perlu terus berusaha untuk menjadikan negara maju kompetitif, seiring dengan perkembangan global, lebih-lebih lagi dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Dalam era IR 4.0, ia mempunyai permintaan tinggi lulusan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Ist kurangnya minat lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian peringkat lebih tinggi kini menjadi isu hangat sehingga menimbulkan polemik apakah masa depan generasi akan datang serta pembangunan negara.

Hakikat perlu diakui semua, pendidikan formal penting dalam pembangunan sumber manusia.

Meskipun pekerjaan seperti e-hailing dan perniagaan dalam talian boleh menawarkan pendapatan agak lumayan dalam jangka masa pendek, bidang ini tidak terdapat sebarang kemajuan kerjaya dan peluang kenaikan pangkat serta gaji bagi jangka masa panjang.

### Tambah baik sistem pengajian tinggi

Selain di bawah tanggungjawab pengubal strategi dan dasar nasional, institusi pengajian tinggi (IPT) dan kementerian berkaitan harus bergandingan sahaja bekerjasama mengambil inisiatif menambah baik sistem pengajian tinggi untuk mendorong anak muda meneruskan pengajian sehingga ke peringkat menara gading.

Warga muda perlu diberikan pendedahan kepada bidang membolehkan mereka mempunyai kerjaya sebagai saintis perkomputeran, pembangun perisian dan penganalisis pengekodan, sejarah dengan kepeluan dunia digital sedang berkembang pesat ketika ini.

Langkah pertama perlu diutamakan ialah memupuk minat ke arah bidang STEM sejak usia muda, bermula dari peringkat sekolah rendah dan kemudian menengah.

Pengukuhkan pendidikan STEM mampu mengubah minat masyarakat terhadap kepentingan pendidikan sains sebagai teras ketamadunan manusia sejagat.

Penyediaan platform sewajarnya di sekolah rendah dan menengah boleh menjadi perangsang untuk pelajar meneroka minat dalam bidang STEM seperti penganguran pameran sains atau pun pertandingan mereka cipta.

Ini adalah salah satu usaha menyampaikan ilmu secara tidak formal dan sekali gus menerapkan minat pelajar terhadap sains.

Sekolah, pendidikan dan kementerian berkaitan juga harus menggunakan platform digunakan secara meluas di serata dunia untuk meningkatkan minat pelajar kepada STEM.

Aplikasi seperti TikTok, Instagram dan Snapchat mempunyai daya tarikan tersendiri untuk menyemarakkan minat mereka terhadap sains melalui reels atau video pendek bersifat kasual dan lebih menyeronokkan.

Dengan cara betul dan menarik, anak muda ini akan merasa terpanggil untuk berkongsi dengan saluruan media sosial mereka sendiri, lalu menambah kepadanya kesedaran kepentingan meneruskan pelajaran di peringkat menara gading.

### Kurang pembabitan wanita

Menurut data Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), lebih 70 peratus penyelidik dalam STEM adalah lelaki dan wanita pula kurang 30 peratus.

Walaupun bilangan wanita dalam bidang STEM di Malaysia lebih tinggi berbanding negara lain, namun menurut laporan Akademi Sains Malaysia 2018, bilangan penyelidik wanita dalam bidang ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan penyelidik lelaki terutama dalam bidang perniagaan enterprise.

Oleh itu pembabitan wanita dan lelaki dalam STEM perlu diperhebatkan melalui pelbagai usaha seperti dilaksanakan negara maju.

Program seperti kem sains khas untuk remaja boleh diperbanyak dengan harapan mereka berasa lebih selesa dan tidak terhalang untuk meneroka dunia sains.

Program disediakan IPT sama ada sepenuh atau separuh masa, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) dan kelayakan mikro wajarn dikemas kini supaya selari dengan perkembangan masa.

Tawaran jurusan memerlukan kemahiran STEM pasti akan memikat golongan muda yang cenderung ke bidang permainan video, coding dan teknologi realiti maya (VR).


IPT patut lebih fleksibel menyampaikan pelajaran dengan menggalakkan pembelajaran secara hibrid, menyertakan ciri permainan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Kos dan tempoh pembelajaran bagi jurusan ditarawakkan perlu disemak semula untuk mengelakkan bakal pelajar berasa terbebani dan tawar hati untuk meneruskan pengajaran mereka.

Sama ada belajar secara maya, fizikal atau metaverse, secara formal atau tidak formal, yang penting ilmu di dada perlu ditambah, dikembangkan dan dimanfaatkan bukan sahaja untuk diri sendiri serta keluarga, malah untuk masyarakat.

Apabila yang penting, generasi muda perlu disemak dan diperkuatkannya minat mereka untuk belajar ke IPT bagi memburu ilmu yang manfaatnya bukan untuk diri sendiri, tetapi juga kepada masyarakat dan negara.





02 JAN, 2023

## Manfaat aplikasi media sosial dorong pelajar kuasai STEM



Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Lulusan dalam bidang sains, teknologi kejuruteraan dan Matematik (STEM) kini makin mendapat permintaan tinggi dalam era IR 4.0.

Penyediaan platform sewajarnya di sekolah rendah dan menengah boleh menjadi perangsang untuk pelajar meneroka minat dalam bidang STEM.

Jabatan Perangkaan sebelum ini menyatakan lebih 72 peratus pelajar memilih untuk tidak melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dapatan ini muncul ketika ekonomi Malaysia terjejas teruk susulan pandemik COVID-19.